



**NATIONAL  
FINLIT DAY**

## **MEMILIH PERLINDUNGAN YANG TEPAT: PANDUAN TAKAFUL DAN INSURANS BAGI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)**

Setiap perniagaan menghadapi risiko yang berbeza, oleh yang demikian, tiada satu produk takaful atau insurans yang sesuai untuk semua. Sempena Hari Celik Kewangan Kebangsaan (NFLD) 2026, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) menggalakkan PMKS untuk membuat keputusan yang lebih maklum dalam melindungi perniagaan mereka dengan memahami risiko yang dihadapi dan memilih perlindungan yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing.

Dengan pelbagai produk takaful dan insurans yang sedia ada, PMKS digalakkan untuk berhubung terus dengan pengendali takaful dan syarikat insurans yang dilesenkan oleh BDCB bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pilihan yang ditawarkan. Dalam mempertimbangkan produk yang tersedia, berikut adalah beberapa perkara penting yang perlu diambil kira:

- **Kenal pasti risiko utama yang boleh menjejaskan perniagaan**

Mulakan dengan memahami risiko tertentu yang mungkin dihadapi oleh perniagaan awda berdasarkan industri, saiz, operasi dan lokasi. Risiko tersebut boleh merangkumi kerosakan harta benda, kerosakan peralatan, kecurian, insiden siber, gangguan operasi perniagaan, risiko berkaitan pekerja, serta liabiliti yang timbul daripada urusan dengan pelanggan dan pihak ketiga. Mengenal pasti risiko ini dapat membantu menentukan jenis dan tahap perlindungan yang diperlukan oleh perniagaan awda.

- **Utamakan kesesuaian perlindungan, bukan sekadar kos**

Walaupun kos atau kemampuan kewangan merupakan pertimbangan penting, caruman takaful atau premium insurans yang paling rendah tidak semestinya memberikan perlindungan yang diperlukan oleh perniagaan awda. Memilih perlindungan yang bersesuaian dapat membantu mengurangkan impak kewangan akibat kejadian yang tidak dijangka dan menyokong pemulihan perniagaan.

- **Fahami perlindungan awda**

Sebelum membuat keputusan, luangkan masa untuk memahami perkara-perkara yang dilindungi dan tidak dilindungi. Ini termasuk skop perlindungan, pengecualian, had perlindungan, jumlah yang perlu ditanggung sendiri (deductible) atau lebih (excess), serta proses tuntutan.

Ajukan pertanyaan sekiranya terdapat perkara yang kurang jelas dan bandingkan pilihan yang tersedia untuk membantu awda membuat keputusan yang lebih termaklum serta memastikan risiko penting tidak terlepas daripada perlindungan. Sekiranya awda kurang pasti mengenai jenis atau tahap perlindungan yang mungkin diperlukan oleh perniagaan, berhubunglah terus dengan pengendali takaful atau syarikat insurans yang berlesen di bawah BDCB untuk mendapatkan penerangan lanjut.



**NATIONAL  
FINLIT DAY**

- **Semak dan kemas kini secara berkala**

Keperluan perniagaan awda mungkin berubah apabila perniagaan berkembang, seperti memasuki pasaran baharu, membeli peralatan baharu, menambah pekerja, atau memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu. Oleh itu, perlindungan takaful atau insurans wajar disemak secara berkala, khususnya apabila berlaku perubahan yang signifikan, bagi memastikan perlindungan yang diperoleh kekal mencukupi serta mengelakkan jurang atau pertindihan perlindungan yang tidak diperlukan.

Pemilihan perlindungan takaful atau insurans yang bersesuaian merupakan aspek penting dalam pengurusan risiko perniagaan dan usaha membina daya tahan perniagaan dalam jangka panjang. Dengan memahami risiko yang dihadapi oleh perniagaan, mengetahui perlindungan yang diberikan dan menyemak semula perlindungan seiring dengan perkembangan perniagaan, awda dapat membuat keputusan yang lebih maklum dan lebih bersedia apabila berdepan dengan kejadian yang tidak dijangka.

Hari Celik Kewangan Kebangsaan ialah acara tahunan celik kewangan yang diterajui oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan disokong oleh Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK). Antara objektif acara ini adalah untuk:

1. Meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam;
2. Menggalakkan pengurusan kewangan yang bijak; dan
3. Meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan di Negara Brunei Darussalam.

Bersama-sama kita membina masyarakat yang celik dan berdaya tahan dari segi kewangan.